

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PENGURUSI KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH
ANGKASA BERHAD (KOPSYA)**

**PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-12 (2026)
KOPSYA**

**21 JUN 2026 (AHAD)
9.30 PAGI
AUDITORIUM, ANGKASA**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI,
Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

[SALUTASI DISEDIAKAN OLEH KOPSYA]

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, izin serta kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-12 KOPSYA**.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan **ucapan terima kasih kepada seluruh perwakilan yang hadir** dari seluruh negara, **sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian**. Kehadiran saudara dan saudari bukan sekadar memenuhi tuntutan mesyuarat tahunan, tetapi mencerminkan keyakinan, komitmen serta rasa tanggungjawab bersama terhadap masa depan KOPSYA.

Para perwakilan dan anggota yang saya hormati,

3. Saya dimaklumkan, **seramai 1,169 perwakilan yang mewakili koperasi anggota telah bersama-sama menghadiri MAPT Kali Ke-12** pada hari ini. Daripada jumlah tersebut, **seramai 397 perwakilan hadir secara fizikal manakala 772 perwakilan mengikuti mesyuarat secara dalam talian.** Lebih membanggakan, kehadiran pada tahun ini merupakan **kehadiran tertinggi dalam sejarah** penganjaran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA.
4. Pencapaian ini bukan sekadar satu angka. Ia adalah **manifestasi kepercayaan, kebersamaan dan bukti bahawa KOPSYA terus mendapat tempat di hati koperasi anggota** sebagai institusi yang diyakini untuk membawa agenda pembangunan ekonomi koperasi ke tahap yang lebih

tinggi. Kehadiran yang membanggakan ini **wajar diberikan penghargaan. Marilah kita sama-sama berikan satu tepukan yang gemuruh kepada seluruh perwakilan yang hadir pada hari ini sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada KOPSYA.....Terima kasih.**

Para Perwakilan yang saya hormati,

5. Dengan dukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa seorang perwakilan iaitu **Saudara Mohd Jamaai Bin Ahmad telah kembali ke rahmatullah pada 11 Mei 2026. Marilah kita sedekahkan Al-fatihah kepada arwah Mohd Jamaai Bin Ahmad semoga beliau di tempatkan dikalangan orang-orang yang beriman. Al-fatihah (dibaca) amin... ya rabbal alamin...**

6. Untuk makluman para perwakilan, **Ybhg Datuk Haji Mohamad Ali Bin Hasan** merupakan **Anggota Lembaga KOPSYA** telah hadir ke **MAPT KOPSYA ke 12 ini secara maya**. Ini adalah kerana Ybhg Datuk Haji baru sahaja selesai menjalani pembedahan. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar Ybhg Datuk Mohamad Ali Hasan cepat sembuh dan kembali bertugas seperti sediakala.
7. Apabila kita mengimbau kembali perjalanan **KOPSYA** sejak **idea penubuhannya** diketengahkan dalam **Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA pada tahun 2009**, kita sedar bahawa perjalanan itu nanti bukanlah satu perjalanan yang mudah. Ia dibina sedikit demi sedikit, berkembang hasil keyakinan anggota, diperkukuhkan melalui semangat kerjasama yang menjadi asas kepada gerakan koperasi.

8. Hari ini, selepas lebih sedekad beroperasi, **KOPSYA berdiri sebagai sebuah institusi kewangan koperasi** yang semakin matang, semakin diyakini dan semakin relevan dalam memenuhi keperluan koperasi anggota.

9. Jika Tuan / Puan masih ingat, pada **MAPT Kali Ke-11** tahun lalu, buku laporan tahunan KOPSYA menampilkan **imej bendera yang berkibar megah di puncak gunung, berlatarbelakang langit biru dan sinaran matahari terik**. Simbolik tersebut **membawa mesej** yang cukup bermakna bahawa setiap kejayaan menuntut **kesabaran, ketekunan dan pengorbanan**, sebagaimana pepatah yang diungkapkan **“Usah dirungut letihnya berusaha, kerana dari situlah adanya kejayaan.”**

10. **Tahun ini**, buku laporan MAPT menampilkan **simbol** yang cukup dekat dengan nilai dan falsafah gerakan koperasi, iaitu **“Payung”**. Simbol payung yang **digambarkan melalui penyerahan daripada satu tangan kepada satu tangan yang lain membawa makna yang amat besar**. Ia melambangkan kepercayaan...kesinambungan...dan tanggungjawab bersama. Lebih penting daripada itu, **ia melambangkan komitmen untuk saling melindungi dan saling menguatkan antara satu sama lain**.
11. Inilah **roh sebenar koperasi**. Tiada siapa yang bergerak bersendirian. Tiada siapa yang ditinggalkan di belakang. Dan tiada siapa yang dibiarkan menghadapi cabaran seorang diri. Atas dasar itulah lahirnya **tema: “KOPSYA Memayungi Masa Depan, Dari Koperasi, Untuk Koperasi, Kepada Koperasi.”**

12. Konsep payung yang diketengahkan bukanlah perlindungan yang datang daripada satu pihak semata-mata. Sebaliknya, ia lahir daripada kekuatan kolektif yang dibina bersama oleh seluruh koperasi anggota. Di KOPSYA, setiap sumbangan, setiap syer, setiap deposit dan setiap bentuk sokongan yang diberikan oleh koperasi anggota akan kembali memberi manfaat kepada gerakan koperasi itu sendiri. Ia diwujudkan dalam bentuk pembiayaan. Ia diterjemahkan dalam bentuk peluang perniagaan. Dan dizahirkan dalam bentuk bantuan kepada koperasi yang memerlukan sokongan untuk terus berkembang.

Para Perwakilan yang dihormati,

13. Di bawah konsep “payung” ini, **KOPSYA sentiasa berusaha membantu koperasi** yang menghadapi cabaran tetapi masih mempunyai potensi untuk bangkit dan berjaya. Sebagai **contoh, Koperasi Al-Taqwa Kg Kisap Langkawi Berhad (KOTAQWA)** pernah berhadapan dengan **kesukaran untuk memajukan projek perumahan** sehingga tanah yang terlibat terpaksa melalui proses perundangan dan akhirnya dilelong. Namun semangat koperasi tidak pernah mengenal erti menyerah. Alhamdulillah, pada **tahun 2025**, KOPSYA telah menawarkan kepada **Koperasi Bekas Kakitangan UDA Berhad (KOBKU)**, sebuah koperasi yang berpengalaman dalam pembangunan hartanah, untuk **menjalinkan kerjasama strategik bagi memulihkan projek tersebut yang telah terbengkalai lebih 11 tahun.**

14. Insya-Allah, pembangunan **Projek Perumahan KOTAQWA** dijangka dilancarkan pada **Disember 2026** dengan memperkenalkan konsep “**1st Cooperative Resort Homes**”. Inilah contoh bagaimana koperasi membantu koperasi. Inilah bukti bagaimana **semangat ta’awun** diterjemahkan dalam tindakan. Dan inilah makna sebenar sebuah payung yang melindungi serta membuka ruang kepada masa depan yang lebih baik.

Para Perwakilan yang saya hormati,

15. Tahun **2025** merupakan tahun yang sangat bermakna buat KOPSYA. Alhamdulillah, hasil kecekapan operasi, disiplin pengurusan serta tadbir urus yang baik, **KOPSYA telah mencatatkan keuntungan bersih tertinggi dalam sejarah penubuhannya, iaitu sebanyak RM12.7 juta.**

16. Pencapaian ini bukan sekadar kejayaan kewangan. Ia adalah bukti bahawa prinsip koperasi dan profesionalisme boleh bergerak seiring. Ia adalah bukti bahawa institusi milik anggota mampu bersaing dan mencapai prestasi yang cemerlang apabila diurus dengan amanah, integriti dan kecekapan. Kecemerlangan ini turut mendapat pengiktirafan apabila **KOPSYA dinobatkan di tempat ke-17 Koperasi Terbaik Malaysia 2025 dan tempat ke-11 Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan.** Pengiktirafan ini **bukan milik Anggota Lembaga...Bukan juga milik warga kerja semata-mata. Tetapi milik seluruh koperasi anggota yang terus memberikan kepercayaan kepada KOPSYA.**

17. Untuk makluman para perwakilan, **setiap tahun KOPSYA telah memperuntukkan Zakat dalam pembahagian keuntungan sebanyak RM400 ribu.** Walau bagaimanapun, berdasarkan pengiraan zakat perniagaan yang dibuat bersama Lembaga Zakat Selangor, dan berdasarkan **penyata kewangan KOPSYA, pihak Lembaga Zakat Selangor telah mengesahkan bahawa KOPSYA tidak wajib mengeluarkan zakat bagi tahun 2025.**
18. Namun demikian, koperasi anggota masih wajib membuat pengiraan zakat di peringkat koperasi masing-masing dengan mengambil kira syer, deposit serta dividen yang diterima daripada KOPSYA sekiranya memenuhi syarat nisab dan haul.

Para Perwakilan yang dihormati,

19. Sejak penubuhannya sehingga kini, KOPSYA terus memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan kepada koperasi anggota melalui sumber dana dalaman mahupun dana luaran daripada institusi kewangan. **Sehingga hari ini, jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh KOPSYA mencecah RM1.3 bilion, manakala jumlah pengeluaran pembiayaan adalah sebanyak RM874 juta.**

20. Dana tersebut telah **digerakkan ke pelbagai sektor termasuk kredit, hartanah, perladangan, peruncitan dan pelbagai bidang lain yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi koperasi.** Ini menunjukkan bahawa setiap ringgit yang diamanahkan kepada KOPSYA tidak dibiarkan statik. Sebaliknya, ia digerakkan

untuk menjana nilai tambah dan peluang ekonomi kepada koperasi anggota. Alhamdulillah, **usaha KOPSYA untuk menerbitkan sukuk juga mula menunjukkan perkembangan yang positif. Aset pembiayaan berjumlah RM100 juta telah berjaya dilengkapi** dengan data-data yang diperlukan oleh agensi penarafan.

21. Selepas dua tahun usaha dilaksanakan, data aset pembiayaan tersebut akhirnya berjaya diserahkan kepada CIMB Investment Bank dan dimaklumkan bahawa aset berkenaan mempunyai potensi yang baik untuk diteruskan ke peringkat seterusnya. Ini merupakan satu langkah penting yang akan membuka ruang kepada sumber pembiayaan yang lebih besar dan mampan pada masa hadapan.

22. Selain itu, KOPSYA turut memperluaskan jaringan kewangan Islam melalui **pembukaan cawangan pertama KOPSYA Ar-Rahnu di Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor yang mula beroperasi pada 1 November 2025.** Langkah ini diambil setelah mengambil kira daya saing perniagaan serta potensi manfaat yang lebih meluas kepada koperasi anggota dan masyarakat umum. Melihat kepada sambutan yang amat menggalakkan, Anggota Lembaga KOPSYA telah meluluskan pembukaan cawangan kedua KOPSYA Ar-Rahnu dan proses pencarian lokasi strategik sedang dijalankan dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Para Perwakilan yang saya hormati,

23. Hakikatnya, permintaan pembiayaan daripada koperasi anggota terus

meningkat dari semasa ke semasa. Banyak koperasi mempunyai projek yang berpotensi tinggi dalam bidang hartanah, perladangan, pembinaan dan pelbagai sektor strategik yang memerlukan suntikan modal. Namun, sumber **pembiayaan projek KOPSYA banyak bergantung kepada dana dalaman yang terdiri daripada syer anggota dan deposit.**

24. ANGKASA turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ekosistem kewangan koperasi melalui KOPSYA. **ANGKASA kini merupakan pemegang syer terbesar sebanyak RM24 Juta bersamaan 30% dari jumlah keseluruhan syer sebanyak RM79.8 Juta sehingga 31 Disember 2025.**

25. Selain dari itu, **ANGKASA** juga telah meletakkan deposit sebanyak **RM27.5 Juta** sekaligus menunjukkan keyakinan **ANGKASA** terhadap produk deposit **KOPSYA** yang memberikan kadar keuntungan yang kompetitif.
26. Justeru, usaha memperkukuh modal dalaman menjadi agenda yang amat penting. Antara **strategi yang sedang dilaksanakan** ialah kerjasama strategik bersama **16 Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN)** dan **Bahagian Pendidikan dan Pemulihan ANGKASA (BPPA)** bagi mempergiatkan promosi keanggotaan baharu serta menggalakkan penambahan syer daripada koperasi anggota sedia ada.
27. Selain itu, **KOPSYA** turut berjaya menganjurkan **Majlis Makan Malam Bersama TYT Pulau Pinang Bersama Koperasi**. Alhamdulillah, program tersebut **berjaya menarik 21 keanggotaan baharu**

serta mencatatkan penambahan syer dan deposit berjumlah RM2.01 juta. Ini membuktikan bahawa apabila kita turun padang, membina jaringan dan mengukuhkan hubungan dengan anggota, keyakinan akan terus berkembang.

Para Perwakilan yang dihormati,

28. Saya memahami bahawa banyak koperasi anggota meletakkan deposit mereka di institusi kewangan bagi tujuan simpanan jangka pendek dan jangka panjang. Namun saya ingin memaklumkan bahawa **KOPSYA juga menawarkan kemudahan deposit dengan kadar keuntungan yang kompetitif.** Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh koperasi anggota agar mempertimbangkan untuk menambah modal syer dan meletakkan deposit di KOPSYA. Ini bukan semata-mata soal pelaburan. Ini adalah soal memperkukuh kekuatan kolektif kita.

Setiap syer yang ditambah...Setiap deposit yang diletakkan. Akan membantu KOPSYA menyediakan lebih banyak sumber modal untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada koperasi anggota.

29. Saya bagi pihak Anggota Lembaga KOPSYA juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh koperasi anggota yang terus memberikan sokongan, tidak kira besar atau kecil jumlah syer yang dimiliki. Kerana bagi kami, setiap syer membawa makna kepercayaan. Setiap deposit membawa makna keyakinan. Dan setiap sokongan membawa makna harapan.

30. Di pentas ini, bertepatan dengan tema “Payung”, saya menyeru seluruh koperasi anggota untuk terus bergabung di bawah payung KOPSYA. **Marilah kita memperkukuh konsep ta’awun...Marilah**

kita memperkuat semangat “Koperasi Membantu Koperasi”...Marilah kita membina sebuah gerakan yang bukan sahaja kukuh dari segi ekonomi, tetapi juga kukuh dari segi nilai dan kebersamaan. Kerana akhirnya, kekuatan kita bukan terletak pada apa yang dimiliki oleh setiap koperasi secara berasingan. Tetapi pada apa yang mampu kita bina bersama sebagai satu gerakan.

Para Perwakilan yang saya hormati,

31. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya rakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ANGKASA serta Institut Koperasi Malaysia (IKMa) atas segala bimbingan, sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada KOPSYA selama ini.** Sesungguhnya, setiap pencapaian yang kita kecapai hari ini adalah hasil usaha bersama.

32. Selepas ucapan ini, para perwakilan akan **menyaksikan tayangan video korporat KOPSYA 2026 yang bertajuk “KOPSYA Memayungi Masa Depan”, yang membawa mesej kepercayaan, kesinambungan dan tanggungjawab bersama.**

33. Akhir kata, saya mewakili seluruh Anggota Lembaga dan warga kerja KOPSYA mendoakan agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-12 ini berlangsung dengan lancar, tertib dan mencapai segala objektif yang telah ditetapkan.

**Marilah kita terus memperkukuh KOPSYA.
Marilah kita terus memayungi gerakan
koperasi.**

**Marilah kita terus membina masa depan
yang lebih mampan untuk generasi akan
datang.**

**KOPSYA MEMAYUNGI MASA DEPAN.
DARI KOPERASI, UNTUK KOPERASI,
KEPADA KOPERASI.**

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan ini merasmikan Mesyuarat
Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-12
KOPSYA.

Wabillahi taufiq walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Sekian, terima kasih.